

Headline	Riba perlu definisi baru		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,603



Riba perlu definisi baru

SEORANG lagi pembentang kertas kerja, **Prof. Dr. Noor Inayah Yaakub** menekankan perlunya pendefinisian semula ciri-ciri riba tanpa lari daripada pengertian sebenar mengikut al-Quran dan sunnah.

Kata beliau, operasi perbankan Islam perlu dihindari daripada hanya semata-mata mengubah beberapa istilah tanpa pemahaman yang jitu terhadap kalimah tersebut lantas membawa kepada salah tafsiran yang akhirnya menyebabkan salah faham yang begitu ketara.

"Ia juga bagi menghakis pandangan yang mengatakan operasi perbankan Islam itu adalah transaksi yang semata-mata mengenai penghapusan riba, *maisir* (judi) dan *gharar* dalam bentuk teknikal tanpa kefahaman yang mendalam apa yang dimaksudkan dengan konsep muamalat.

"Kita harus perlu lebih dinamik dalam membangunkan sektor perbankan Islam ini dengan mengkaji isu-isu yang lebih besar yang jauh lebih relevan kepada pembangunan ummah sejagat," katanya.

Profesor Pusat Pengajian Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia itu berkata demikian dalam kertas kerjanya *Kerangka Perundangan Sistem Kewangan Islam di Malaysia Pada Hari ini: Penilaian dan Halu Tuju*.

Dr. Noor Inayah berkata, sebenarnya tidak ada masalah dengan kewangan Islam cuma pelaksana kewangan Islam yang harus memperkasakan ekosistem yang fleksibel untuk kewangan di Malaysia.

Katanya, pihak yang mendokong perbankan Islam perlu merangka dengan bijak dalam perancangan tindakan agar transaksi kewangan Islam ini tidak hanya sebagai replika kewangan konvensional.

Sebaliknya, lebih terfokus kepada apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan perniagaan kewangan Islam itu sendiri.

Sebagai contoh, kata beliau, isu seperti pengaliran harta, konsep sebenar harta dalam Islam, pengertian tepat tentang pengharaman riba, sejauhmanakah faktor kemudahan yang diukur dalam sesuatu transaksi itu dan banyak lagi yang lebih penting tetapi tidak dititikberatkan.

"Samalah juga dengan konteks

kerangka perundangan untuk kewangan dan perbankan Islam.

"Terlalu banyak dan kerap sudah yang diperkatakan tentang perkara ini sebelum ini. Malah isu yang diutarakan adalah hampir sama yang banyak tertumpu kepada cabaran dan halangan serta cadangan-cadangan ke arah menambah baik kerangka perundangan," jelasnya.

Dr. Noor Inayah bagaimanapun berkata, olahan dan analisis yang sepatutnya dikupas seperti kefahaman tentang faktor sejarah yang begitu jarang dikaitkan dengan kerangka perundangan kewangan dan perbankan Islam.

Kata beliau, amat perlu memahami kedua-dua perundangan sivil secara perbandingan kerana ilmu terhadap syariah sahaja tanpa pemahaman sistem perundangan sivil akan hanya mengundang kepincangan dalam pelaksanaan kewangan Islam.

Selain itu, ekosistem yang fleksibel untuk kerangka perundangan kewangan Islam perlu mengambil kira elemen futuristic iaitu isu-isu resolusi alternatif terhadap pertelingkahan perbankan Islam di luar Malaysia.

"Analisis ini adalah kritikal berasaskan kepada faktor bahawa kerangka perundangan negara yang sebagaimana yang kita sedia fahami sangat terhad sepatutnya tidak dilihat sebagai penghalang kepada perkembangan transaksi perbankan Islam.


"Sebaliknya harus dinilai untuk proses penambahbaikan agar keadaan yang selesa dapat diwujudkan dan bersesuaian dengan perkembangan transaksi kewangan Islam," jelas beliau.

Terlalu banyak dan kerap sudah yang diperkatakan tentang perkara ini sebelum ini. Malah isu yang diutarakan adalah hampir sama yang banyak tertumpu kepada cabaran dan halangan serta cadangan-cadangan ke arah menambah baik kerangka perundangan



DR. NOOR INAYAH YAAKUB

Headline	Riba perlu definisi baru		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,603



SEBAHAGIAN peserta seminar *Kesan Sistem Kewangan Islam di Malaysia Terhadap Kekuatan Ekonomi Ummah: Satu Penilaian* di IKIM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.